



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)

Tingkat 5, Menara I&P 1,  
No. 46 Jalan Dungun, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

T +603 2095 3030 / 2081 3000  
F +603 2095 2121  
www.mymrt.com.my



# SIARAN MEDIA

## MRT LALUAN PUTRAJAYA FASA SATU SEDIA UNTUK OPERASI

***Laluan akan dibuka kepada orang ramai mulai jam 3.00 petang pada 16 Jun 2022***

**Kuala Lumpur, 7 Jun 2022:** Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dengan sukacitanya mengumumkan bahawa kerja-kerja pembinaan MRT Laluan Putrajaya Fasa Satu dari Kwasa Damansara ke Kampung Batu telah siap dan kini sedia untuk beroperasi.

Fasa Satu sepanjang 17.5km, yang meliputi sembilan stesen baharu dan tiga stesen yang pada asalnya sebahagian daripada MRT Laluan Kajang, akan dibuka kepada orang ramai mulai jam 3 petang pada 16 Jun 2022.

Pembukaan laluan kedua Projek MRT Lembah Klang dijangka akan dirasmikan oleh Perdana Menteri YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob dalam satu majlis pagi hari yang sama.

Sembilan stesen baharu yang akan dibuka ialah Damansara Damai, Sri Damansara Barat, Sri Damansara Sentral, Sri Damansara Timur, Metro Prima, Kepong Baru, Jinjang, Sri Delima dan Kampung Batu, manakala tiga stesen yang sebelum ini merupakan sebahagian daripada MRT Laluan Kajang ialah Kwasa Damansara, Kampung Selamat dan Sungai Buloh.

Ketiga-tiga stesen ini telah beroperasi sejak 2016 apabila MRT Laluan Kajang Fasa Satu dibuka. Bagaimanapun, stesen-stesen ini telah ditutup sejak Oktober tahun lalu bagi kerja-kerja pemindahan stesen untuk menjadi sebahagian daripada MRT Laluan Putrajaya yang baharu. Stesen-stesen ini kini telah berjaya dipindahkan ke MRT Laluan Putrajaya dan akan dibuka semula pada hari yang sama.

Penumpang boleh bertukar antara tren MRT Laluan Putrajaya dan MRT Laluan Kajang di Kwasa Damansara. Pertukaran tren ini amat mudah kerana penumpang hanya perlu berjalan melintasi platform untuk meneruskan perjalanan mereka.

Laluan baharu itu juga dihubungkan dengan perkhidmatan tren KTM di Sungai Buloh, Sri Damansara Timur (dengan Stesen KTM Kepong Sentral), dan Kampung Batu.

Di Kampung Batu, penumpang boleh meneruskan perjalanan ke pusat bandar Kuala Lumpur dengan pertukaran ke laluan KTM Komuter Batu Caves-Pulau Sebang. Satu lagi alternatif, ialah dengan menggunakan Bas Rapid KL No 173 untuk ke Lebu Ampang. Kampung Batu juga mempunyai perkhidmatan bas percuma Go KL Laluan Merah Manggis.

Fasa Satu ini akan mempunyai 20 set tren. Setiap set tren terdiri daripada empat buah gerabak dan boleh membawa seramai 1,200 penumpang. Operasi tren adalah secara automatik sepenuhnya dan tidak memerlukan pemandu.

Pada masa yang sama dengan pelancaran perkhidmatan rel pada 16 Jun 2022, 13 laluan bas perantara juga akan mula beroperasi. Bas-bas itu akan memberi perkhidmatan kepada kawasan perumahan dan komersial yang terletak di dalam kawasan berhampiran stesen, seperti Bandar Sri Damansara, Taman Ehsan, Taman Kepong dan Bandar Baru Selayang.

Terdapat juga kemudahan “park and ride” (parkir dan menaiki tren) di tujuh stesen dengan jumlah tempat letak kereta lebih daripada 2,800 petak.

Sementara itu, pembinaan untuk Fasa Dua dari Kampung Batu ke Putrajaya Sentral sedang berjalan dengan lancar. Kemajuan untuk Fasa Dua kini berada pada tahap 98%. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk kerja-kerja seni bina, jalan penghubung, landskap serta pengujian dan pentauliahan.

Operasi Fasa Dua dijangka bermula pada Januari 2023 dan ini akan membolehkan tren melalui keseluruhan laluan dari Kwasa Damansara ke Putrajaya Sentral.

-tamat/-

***Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:***

***Encik Leong Shen-Li  
MRT Corp***

***+6012-319 6602 / [leong.shen-li@mymrt.com.my](mailto:leong.shen-li@mymrt.com.my)***

***Cik Amalina Ghazali  
MRT Corp***

***+6016-215 4055 / [amalina.ghazali@mymrt.com.my](mailto:amalina.ghazali@mymrt.com.my)***